

# KONSEP PEMILIKAN DI DALAM ISLAM

Oleh:

Nawi bin Abdullah \*

## Abstract

*This article discusses the concept of ownership in Islamic perspective. It also attempts to check on various types of ownership and the limit to each type of ownership. In the Islamic Economic System, there are resources and goods, which can be owned individually, in-group and also those that has to be government owned to preserve the interest and welfare of the public. The concept of freedom and limitation on the ownership of resources and goods in the Islamic Economic System is to preserve the harmony and welfare of society in line with the syariah requirements.*

## PENGENALAN

Kegiatan ekonomi bermula apabila manusia menggunakan akal fikiran, kebijaksanaannya dan kemahiran buruh untuk mengeksplotasi sumber-sumber yang ada. Manusia menggunakan sumber-sumber itu untuk memenuhi keperluan kehidupan dan mendapat kepuasan daripada penggunaan sumber-sumber berkenaan. Sebelum mengguna sumber-sumber, barang dan perkhidmatan untuk meneruskan kehidupan dan mendapatkan kepuasan dari penggunaan sumber berkenaan, terlebih dahulu manusia memerlukan hak (pemilikan) untuk menggunakan barang dan perkhidmatan berkenaan. Tanpa hak, manusia tidak boleh mengguna dan mendapat kepuasan dari barang dan perkhidmatan tersebut. Dalam persoalan ini, Islam telah mendaraskan batas-batas tertentu tentang hak pemilikan ke atas sesuatu jenis barang dan perkhidmatan. Garis panduan di dalam soal pemilikan dan hak ini bertujuan untuk menjaga ketertiban dan keadilan dalam masyarakatnya, lebih-lebih lagi bagi tujuan keimanan dan ketakwaan manusia itu sendiri terhadap Allah SWT.

## KONSEP PEMILIKAN

Allah SWT adalah pencipta segala apa yang ada di bumi dan di langit. Sebagai pencipta, Dialah pemilik mutlak terhadap segala apa yang dicipta-Nya itu. Walaupun

---

\* Nawi bin Abdullah, M.A adalah pensyarah di Fakulti Ekonomi Dan Pentadbiran, Universiti Malaya.

Allah SWT pencipta segalanya, namun ciptaan itu bukan untuk kegunaan-Nya. Ciptaan Allah SWT adalah untuk kegunaan dan manfaat kepada manusia. Allah SWT tidak memerlukan apa-apa manfaat daripada ciptaan-Nya itu. Manusia bertanggungjawab mengurus dan mengendalikan sumber (ciptaan Allah SWT) berkenaan dalam usaha untuk mendapatkan manfaat (kepuasan dunia dan kepuasan akhirat) dari penggunaan sumber-sumber berkenaan. Sebagai pihak yang diamanahkan untuk mengurus sumber bagi mendapat manfaat, manusia akan dipertanggungjawab dan dipersoalkan di akhirat kelak terhadap amanah sumber tersebut. Selaras dengan pemberian amanah dan tanggungjawab yang akan dipersoalkan di akhirat kelak, manusia diberi beberapa hak dan kuasa ke atas pemilikan, pengagihan dan penggunaan sumber dan kekayaan berkenaan.

Apa juga bentuk dan jumlah harta dan kekayaan yang dimiliki oleh manusia di alam semesta ini adalah hak Allah SWT. Allah SWT mengurniakan harta kepada manusia agar mereka mengurus dan membelanjakannya mengikut jalan yang diredaya-Nya. Dengan itu, manusia yang memiliki harta perlu menjaga amanah harta berkenaan selaras dengan ketetapan yang telah ditentukan oleh Allah SWT.<sup>1</sup> Hak pemilikan harta berkenaan perlu mengikut peraturan-peraturan syariah sama ada dalam bentuk perolehan, penggunaan, pengagihan dan perbelanjaannya. Oleh kerana harta adalah milik Allah SWT, maka pemilikan sejati oleh manusia adalah bertentangan dengan Islam.<sup>2</sup> Walaupun pemilikan sejati/mutlak adalah bertentangan dengan konsep pemilikan Islam, namun hak individu untuk memiliki, menggunakan, mengagih dan mengurus harta dan sumber memang diterima dan dihormati di dalam sistem ekonomi Islam.

Punca utama timbulnya kekeliruan tentang hak milik harta dalam Islam ialah kenyataan bahawa semua kekayaan adalah milik mutlak Allah SWT. Pemilikan mutlak Allah SWT ini membayangkan milik-Nya melampaui pemilikan individu. Apa yang dicapai dan diperolehi oleh manusia melalui daya usahanya itu adalah dengan cara menggunakan tubuh badan, pancaindera dan kudrat yang kesemuanya dikurniakan oleh Allah SWT. Untuk menggerakkan tubuh badan, pancaindera dan kudrat dalam proses usahanya itu, manusia menggunakan makanan, minuman, udara dan menggembungkan sumber-sumber yang kesemuanya dikurniakan oleh Allah SWT. Dengan itu, apa juar yang dimiliki oleh manusia dalam proses usahanya itu dalam erti

<sup>1</sup> Abu Hassan Din al-Hafiz (1995), *Islam dan Anda*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 38; Abdul Rahman Shad (1986), *Zakat And Ushr*, Lahore: Kazi Publications, hh. 17-18.

<sup>2</sup> Muhammad Nejatullah Siddiqi (1989), *Pemikiran Ekonomi Islam: Satu Tinjauan Penulisan Semasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 4.

### Konsep Pemilikan Di Dalam Islam

kata perundangan yang lazim ialah sesuatu yang dibenarkan dia memiliki dan dia mempunyainya oleh Allah SWT.<sup>3</sup> Tanpa kuasa dan peluang untuk menggembangkan sumber-sumber tersebut yang diberikan oleh Allah SWT, manusia tidak mampu dan tidak berupaya untuk mencari kekayaan di muka bumi ini. Kehidupannya sendiri juga adalah anugerah dan kurniaan dari Allah SWT.

Apabila konsep Allah SWT adalah pemilik mutlak sudah tersemat di hati manusia, manusia akan merasa dirinya dimuliakan oleh Allah SWT. Manusia akan rasa bersyukur bahawa sebahagian daripada harta kekayaan Allah SWT telah diamanah dan dikurniakan kepadanya untuk diuruskan. Dengan rasa kesyukuran inilah manusia akan mengakui hak Allah SWT untuk mentakrifkan bagi dirinya tentang batasan yang sesuai untuk kenikmatan dan penggunaan harta kekayaan tersebut. Manusia juga akan mengakui dan mengesahkan hak Allah SWT untuk melantik orang lain atau masyarakat sebagai penuntut yang sah terhadap sebahagian daripada kekayaan berkenaan.<sup>4</sup> Dengan hak Allah SWT itu, masyarakat dan negara Islam iaitu negara yang dikatakan mewakili kehendak Tuhan mempunyai hak untuk membataskan hak individu jika perlu. Had batasan dan kuasa masyarakat dan negara ini bergantung kepada sejauhmana pemilikan individu bertentangan dengan kehendak Allah SWT terhadap masyarakat.<sup>5</sup> Dalam hal ini, jika mana-mana hak milik individu boleh menganggu kepentingan masyarakat, maka negara dan pemerintah perlu berperanan untuk membetulkan hak milik berkenaan supaya selari dengan kehendak dan kepentingan masyarakat serta selaras dengan kehendak syariat (Allah SWT). Mana-mana pemilikan persendirian yang tidak bertentangan dengan kepentingan masyarakat dan kehendak syariat adalah dibenar, digalakkan dan diharuskan oleh Islam.

Dalam pada itu, Islam menyakini keinginan pemilikan dan pemegangan harta benda merupakan salah satu sifat dan naluri semulajadi manusia. Oleh itu Islam beranggapan bahawa adalah tidak adil untuk menekan atau menghapuskan pemilikan persendirian berkenaan. Islam berpandangan bahawa adalah tidak merbahaya jika wujudnya pemilikan secara persendirian dalam masyarakatnya. Islam menggalakkan individu supaya berusaha untuk mendapatkan harta benda dan seterusnya memberi manfaat yang besar kepada masyarakat.<sup>6</sup> Adalah tidak adil jika individu dibiarkan

<sup>3</sup> Khursid Ahmad (edts.) (1992), *Kajian Dalam Ekonomi Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hh. 18-19

<sup>4</sup> *Ibid.*

<sup>5</sup> Jomo K.S (edts.) (1996), *Alternatif Ekonomi Islam: Perspektif Kritis dan Haluan Baru*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 84.

<sup>6</sup> Hussain Hamid Hassan (1995), *Private Ownership in Islam*, Islamabad: Da'wah Academy, hh. 19-20.

bekerja keras dan bertungkus lumus untuk mendatangkan faedah kepada masyarakat tanpa diberikan sebarang balasan yang setimpal daripada masyarakat untuk dirinya (kebenaran dan hak pemilikan).<sup>7</sup> Pemberian hak pemilikan pensendirian ini akan menggalakkan individu untuk berusaha bagi mencapai hak milik dan hak untuk mendapat manfaat (kepuasan) daripada pemilikan kekayaan tersebut. Tanpa pemberian hak milik secara persendirian, manusia akan membataskan usahanya dalam mencari kekayaan dan pendapatan. Pembatasan usaha seseorang individu ini bukan sahaja menjelaskan kepentingan dan kepuasan individu berkenaan semata-mata, malah kesan yang lebih besar ialah ianya akan menjelaskan kepentingan dan kepuasan masyarakat secara keseluruhannya. Pemberian hak milik persendirian inilah yang menjadi asas kepada pencapaian kepuasan individu dan kepuasan masyarakat. Islam berpendapat bahawa pemilikan persendirian merupakan tunjang kepada kekayaan dan kebijakan masyarakat yang lebih luas lagi.

Selain daripada konsep pengiktirafan terhadap pemilikan persendirian, konsep pemilikan negara dan pemilikan awam juga merupakan antara konsep penting yang perlu disentuh apabila dibincangkan konsep pemilikan dalam Islam. Ketiga-tiga jenis pemilikan ini tidak ditakrifkan dengan jelas oleh Islam. Sebaliknya, ia sengaja ditinggalkan untuk dinilai dan ditentukan berasaskan kepada prinsip-prinsip tertentu dan bergantung kepada keperluan masa dan keadaan.<sup>8</sup> Prinsip ini bertujuan untuk memastikan hak negara, individu dan awam bersesuaian dengan masa, keadaan dan tempat mengikut keperluannya. Prinsip ini bertujuan untuk memberi keadilan kepada pihak-pihak yang terlibat dengan amanah pengurusan sumber berkenaan.

Di dalam membincangkan konsep pemilikan di dalam Islam, kewajipan dan tanggungjawab kebiasaannya datang terlebih dahulu sebelum hak milik dan hak kuasa diberikan kepada manusia. Setiap manusia, masyarakat atau negara yang diberikan hak milik dan hak kuasa, mempunyai tanggungjawab tertentu yang perlu dilaksanakan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh syariat (Allah SWT). Untuk membolehkan manusia melaksanakan tanggungjawab dan amanah berkenaan individu, masyarakat dan negara, mereka perlu memperolehi hak-hak yang tertentu. Tanpa adanya hak-hak ini, individu, masyarakat dan negara tidak mampu dan tidak berupaya untuk melaksanakan tanggungjawab dan peranan yang telah diamanahkan kepadanya itu. Adalah tidak adil, jika manusia diberikan tanggungjawab tanpa diberikan hak kuasa dan hak milik yang seimbang untuk membolehkannya melaksanakan amanah dan tanggungjawab berkenaan. Dalam hal ini, individu adalah

<sup>7</sup> Afzal-ur-Rahman (1991), *Doktrin Ekonomi Islam*, Jilid I, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 75.

<sup>8</sup> Siddiqi, *op.cit.*, h. 4.

### Konsep Pemilikan Di Dalam Islam

merupakan titik tolak utama dari perlaksanaan hak dan kewajipan dan secara langsung bertanggungjawab kepada Allah SWT.<sup>9</sup> Hak negara dan hak pemerintah pada asasnya diserahkan kepada individu tertentu atau sekumpulan orang dalam masyarakat untuk mentadbir hak dan kuasa berkenaan.

Individu juga perlu menyedari bahawa manusia hanyalah pemegang amanah terhadap harta berkenaan dan harta itu sebenarnya adalah milik masyarakat dan milik Allah SWT sepenuhnya. Oleh itu, seseorang individu harus bersedia menerima sekatan terhadap hak penggunaan ke atas harta berkenaan. Islam menghormati kebebasan individu untuk menggunakan harta berkenaan dan mendapat faedah dari kegunaan tersebut dengan syarat ianya tidak merosakkan kepentingan umum masyarakat. Bagi Islam, pemilik harta yang baik dan bertimbangrasa diberi kebebasan untuk menikmati hak mereka dengan sebebas-bebasnya tanpa dibatasi dan dipengaruhi oleh had tersebut.<sup>10</sup> Dengan pemberian hak inilah, individu, masyarakat dan negara/pemerintah akan dan boleh dipertanggungjawab dan dipersoalkan di akhirat nanti terhadap pengurusan, penggunaan, pengagihan dan perbelanjaan harta (amanah/tanggungjawab) berkenaan.

Dengan konsep tanggungjawab inilah pemilik harta (manusia) dikenakan sejumlah kewajipan yang tertentu sama ada ke atas diri dan keluarganya, dan dikehendaki membayar sebahagian daripada keperluan masyarakat dan sebagainya lagi. Perbelanjaan ke atas diri dan keluarga merupakan kewajipan asas yang ditetapkan oleh Islam (fardu ain). Sementara membelanjakan harta untuk masyarakat merupakan kewajipan sosial yang perlu dipenuhi oleh individu (fardu kifayah).<sup>11</sup> Seseorang individu memiliki hak milik harta, tetapi masyarakat berhak untuk menghadkan atau melucutkan hak berkenaan sekiranya pemilikan atau hak individu berkenaan boleh merosakkan masyarakat.<sup>12</sup> Dalam proses ini, pemilik harta adalah merupakan pihak yang mendapat kemudahan daripada harta yang digunakannya. Dengan itu, tujuan sebenar pemilikan adalah untuk kegunaannya atau untuk mendapat utiliti/faedah yang dinikmati dan bukannya memegang atau memiliki harta berkenaan.<sup>13</sup>

Bagi sumber alam semulajadi pula, ia tidak wajar dimonopoli oleh hanya golongan tertentu sahaja kerana sumber tersebut memberi manfaat yang banyak kepada orang

<sup>9</sup> A.A. Islahi (1997), *Konsepsi Ekonomi Ibnu Taimiyah*, Surabaya: PT Bina Ilmu, h. 136

<sup>10</sup> Afzal-ur-Rahman, *Doktrin Ekonomi Islam*, h. 81; Abdul Karim Zaidan (1988), *Kewajipan Menegakkan Negara Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, h. 55-72.

<sup>11</sup> A.A. Islahi, *op.cit.*, hh. 138-139.

<sup>12</sup> Afzal-ur-Rahman, *op.cit.*, h. 81.

<sup>13</sup> *Ibid.*, h. 181.

ramai. Justeru itu, Islam menetapkan bahawa seseorang itu tidak dibenarkan memiliki tanah atau sumber yang tidak mampu diusahakannya. Tetapi jika ia mampu, adalah menjadi hak seseorang itu untuk memiliki tanah yang diusahakannya. Bagi Maududi, tidak ada sesiapa yang berhak untuk merampasnya dan ia boleh diambil oleh pihak pemerintah untuk kepentingan umum dengan diberikan ganti rugi yang setimpal dengan nilai semasa tanah berkenaan.<sup>14</sup> Perkara ini adalah selaras dengan konsep hak milik sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibn Taymiyyah dan berasaskan pendekatan Abdul Karim Zaidan. Ibn Taymiyyah dan Abdul Karim Zaidan mengakui bahawa setiap individu bebas memiliki kekayaan tetapi perlu tunduk kepada paksaan moral. Hak pemilikan dan penggunaan individu ini disertai dengan sejumlah kewajipan tertentu, dan jumlah kekayaan yang boleh dimiliki juga menjadi subjek kepada pemerintah atau negara.<sup>15</sup> Bagi Ibn Taymiyyah, hak milik peribadi merupakan institusi dasar dalam pemilikan. Baginya adalah salah beranggapan bahawa negara dan awam/masyarakat mempunyai hak penuh ke atas segala-galanya. Bagi Ibn Taymiyyah, hak milik peribadi tidak boleh diusik selama mana ia dimiliki dan digunakan mengikut syariat.<sup>16</sup>

Dengan itu, konsep pemilikan dalam Islam adalah tertakluk kepada beberapa perkara asas seperti berikut:

- \* Hak milik hanyalah terhadap penggunaan dan bukan kepunyaan. Dalam negara Islam, jika sesuatu harta tidak digunakan maka hak kepunyaan akan hilang atau berkurangan.
- \* Pemilikan hanya terhad sepanjang hidup pemiliknya sahaja. Selepas kematiannya, kekayaan berkenaan akan berpindah ke tangan orang lain.
- \* Tidak semua harta boleh dimiliki secara individu.

Berdasarkan kepada konsep pemilikan yang dibincangkan di atas, Sadr, Ibn Taymiyyah, Sidiqqi, S.M Yusuf dan beberapa sarjana Islam yang lain mengariskan bahawa hak milik dalam Islam boleh dibahagikan kepada tiga jenis pemilikan utama iaitu hak milik individu/khusus, hak milik umum dan hak milik negara.<sup>17</sup>

<sup>14</sup> Mustafa Haji Daud (1988), *Beberapa Aspek Pemikiran Al-Maududi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 105.

<sup>15</sup> A.A. Islahi, *op.cit.*, hh. 145-146; Abdul Karim Zaidan, *op.cit.*, h. 72.

<sup>16</sup> *Ibid.*, hh. 145-146.

<sup>17</sup> Jomo K.S (edts.) (1996), *op.cit.*, h. 88; A.A. Islahi, *op.cit.*, hh. 29-147; Sidiqqi, *op.cit.*, h. 4; S.M Yusuf (1996), *Economic Justice in Islam*, Lahore: SH. Muhammad Ashraf Publisher & Exports, hh. 16-39.

## HAK MILIK INDIVIDU/KHUSUS

Menyentuh mengenai perspektif dan skop hak milik individu atau khusus, Islam mengakui fitrah semulajadi manusia untuk memiliki harta secara persendirian. Oleh itu, Islam membenarkan pemilikan harta secara individu. Setiap individu memiliki hak untuk menikmati, menggunakan, menjual dan melindungi hak milik harta dan kekayaan berkenaan.<sup>18</sup> Namun begitu, haknya dibatasi oleh sejumlah batasan atau dengan kata lain, hak berkenaan diberikan secara bersyarat. Individu berkenaan tidak boleh menggunakan secara sewenang-wenangnya hak berkenaan, ia dilarang daripada membazir dan menggunakan harta berkenaan secara mewah dan melepas purata perbelanjaan masyarakat.<sup>19</sup>

Dalam hak transaksi, seseorang individu tidak boleh menggunakan cara-cara yang terlarang seperti pemalsuan, penipuan atau mencuri timbangan dan ukuran. Individu tidak boleh mengeksplorasi barang dan perkhidmatan yang dimilikinya ke atas orang-orang yang sangat memerlukannya dan setiap individu tidak boleh menggunakan hak miliknya yang boleh menimbulkan kerugian kepada orang lain.<sup>20</sup>

Dalam soal pemilikan ini ajaran Islam banyak menekankan sikap individualisme. Sikap individualisme ini adalah tidak terhad kecuali berasaskan batasan yang dikenakan oleh Islam. Walau bagaimanapun, sekiranya etika ini tidak dilanggar, Islam membenar malah mengharuskan individu mengumpul sebanyak mungkin kekayaan sama ada ia untuk dipegang, disimpan dan dinikmati olehnya dan warisnya atau bukan warisnya.<sup>21</sup> Menurut Faruqi dan Maududi, etika Islam mensyaratkan pemilikan dan penguasaan ke atas kekayaan dengan syarat seseorang individu tidak boleh menipu dan berbohong, mesti memegang dan memenuhi janjinya, tidak mencuri atau mengeksplorasi kelemahan orang lain dan memenuhi etika dan moral Islam dalam pemilikan, penggunaan dan pengagihan kekayaan tersebut.<sup>22</sup>

Justeru itu, hak untuk mencari kekayaan tidak boleh dimonopoli oleh individu atau golongan tertentu sahaja. Terpulanglah kepada setiap orang untuk mencari kekayaan berdasarkan kepada kemampuan dan bakat masing-masing. Islam menjelaskan bahawa semua manusia diberi peluang yang sama untuk meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan mereka dengan sebaik mungkin. Dalam hal ini, Islam

<sup>18</sup> Surtahman Kastim Hassan (1990), *Ekonomi Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hh. 14-15.

<sup>19</sup> A.A. Islahi, *op.cit.*, h. 138.

<sup>20</sup> *Ibid*, h. 138; Hussain Hamid Hassan, *op.cit.*, hh. 6-11.

<sup>21</sup> Jomo K.S (edts.), *op.cit.*, h. 85.

<sup>22</sup> *Ibid*, h. 85, S. Abu A'la Maududi (19920, *The Economic Problem of Man and Its Islamic Solutions*, Lahore: Islamic Publication (Pvt) Ltd., hh. 36-39.

cuba untuk memastikan bahawa tidak ada sekatan yang dikenakan ke atas bakat semulajadi manusia dalam usaha mereka untuk mengumpul, memiliki, memakmur dan menggunakan kekayaan tersebut. Namun begitu, individu yang mempunyai kelebihan dan keupayaan tertentu dilarang mengeksplotasi sumber yang ada untuk kepentingan dirinya semata-mata melalui proses hak milik. Individu berkenaan perlu menyumbang kepada individu yang lemah serta menyumbang pula kepada pembangunan masyarakat dalam bentuk harta, tenaga ataupun sumbangan-sumbangan yang lain. Di samping itu, manusia tidak boleh menggunakan cara-cara yang boleh menyebabkan orang lain mengalami kerugian tanpa membayar dengan bayaran yang setimpal dengan kerugian yang ditanggung oleh individu atau kumpulan berkenaan.

Sebarang usaha untuk menyekat kebebasan individu dalam hak milik ini adalah merupakan perampasan hak asasi dan bertentangan dengan fitrah semulajadi manusia dan yang lebih besar lagi ianya adalah bertentangan dengan ajaran Islam. Dalam masa yang sama, Islam juga tidak memberarkan penggunaan paksaan untuk mewujudkan persamaan yang mutlak. Apa yang diperjuangkan oleh Islam ialah membiarkan sistem ekonomi itu berkembang sejajar dengan fitrah semulajadi manusia berlandaskan kepada prinsip-prinsip ketaatan kepada Allah SWT.

Untuk mengimbangi antara pemilikan persendirian dan fitrah semulajadi manusia dengan kebajikan masyarakat umum, Islam mengenakan peraturan-peraturan tertentu dalam hak milik peribadi.<sup>23</sup> Antara peraturannya adalah seperti mengenakan zakat, cukai dan sedekah yang tertentu untuk melindungi kepentingan masyarakat. Pengenaan zakat, cukai dan sedekah inilah yang membataskan sifat individualisme dalam Islam dan mengalakkan kehidupan bermasyarakat.<sup>24</sup> Galakan pengumpulan kekayaan secara individu dengan batasan Islam ini dapat menjana pertumbuhan ekonomi dan memakmurkan masyarakat secara menyeluruh. Inisiatif pengumpulan kekayaan individu inilah yang menjadi asas kepada pertumbuhan ekonomi dan peningkatan kebajikan masyarakat. Dengan alasan inilah Islam mengalakkan individu (umatnya) mengumpulkan kekayaan seberapa banyak yang boleh. Kekayaan individu inilah yang menjadi asas kepada pendapatan (kekayaan) negara melalui kutipan zakat ataupun bentuk-bentuk cukai yang lain. Tanpa kemakmuran individu, masyarakat dan negara juga akan menghadapi masalah kemakmuran. Kepentingan kemakmuran individu ini menjadi asas kepada kemakmuran masyarakat yang lebih luas lagi. Perkara ini adalah selaras dengan pendapat Sayid Qutb yang menyatakan bahawa

<sup>23</sup> M.A Mun'im Ridwan (2000), *Negara Islam: Aplikasi Pemerintahan Islam Zaman Rasulullah Era Kontemporari*, Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada, hh. 129-139.

<sup>24</sup> Jomo K.S (eds.), *op.cit.*, h. 85.

## Konsep Pemilikan Di Dalam Islam

pemilikan peribadi merupakan salah satu dari fungsi sosial manusia. Manusia sebagai individu, mewakili masyarakat untuk berinteraksi dengan cara-cara yang ditentukan batasannya oleh syariat. Kekuasaannya ke atas kekayaan tidaklah mutlak tanpa ikatan. Hak masyarakat tetap ada. Individu wajib memulangkan hak masyarakatnya apabila diperlukan berdasarkan kepada ukuran keperluan, kemampuan dan selaras dengan syariat Allah SWT.<sup>25</sup>

Ajaran Islam jelas mengiktiraf hak milik individu terhadap harta benda dan membenarkan pemilikan semua jenis harta benda yang mampu diperolehinya menurut cara yang halal.<sup>26</sup> Dengan kata lain, Islam membenarkan seseorang itu memiliki seberapa banyak kekayaan dengan menggunakan pengetahuan, teknik atau cara yang bermoral dan tidak bertentangan dengan hukum sosialnya. Melalui pemberian hak milik ini, individu hendaklah memainkan peranan sosial berpandukan wahyu Ilahi dan moral Islam.<sup>27</sup> Hak milik persendirian yang diberikan oleh Allah SWT kepada manusia tertakluk kepada prinsip tanggungjawab dan ianya bukan milik mutlak sepenuhnya.

Walaupun hak milik individu dihormati dalam Islam, peluang menggunakan hak ini perlu diberikan kepada setiap individu. Setiap orang berpeluang untuk memiliki, menggunakan dan mengagihkan harta berkenaan. Sekiranya seseorang itu tidak dapat menggunakan haknya, orang lain mesti diberi peluang untuk menggunakan hak berkenaan tanpa diwajibkan memberikan sebahagian daripada pendapatan daripada sumber tersebut kepada orang yang tidak menggunakanannya.<sup>28</sup> Lebihan sumber pendapatan yang melebihi bahagian yang wajar perlu diagihkan dan dipulangkan kembali kepada masyarakat. Islam juga mengiktiraf semua hak lain yang berkaitan dengan hak pemilikan, misalnya keselamatan harta benda dari penipuan, kecurian dan lain-lain bentuk pemilikan yang diharamkan oleh Islam.<sup>29</sup>

---

<sup>25</sup> Sayid Qutb (1975), *Masyarakat Islam*, Bandung: Yayasan At-Taufiq - Pt Alma'arif, hh. 63-54.

<sup>26</sup> Afzal-ur-Rahman, *op.cit.*, h. 73.

<sup>27</sup> M.A. Mannan (1991), *Islamic Economic Theory and Practice: A Comparative Study*, Lahore: SH. Muhammad Ashraf Publisher, Booksellers & Exporters, h. 366.

<sup>28</sup> Jomo (edts.), *op.cit.*, h. 87.

<sup>29</sup> Afzal-ur-Rahman, *op.cit.*, h. 74; M.A. Mannan, *op.cit.*, h. 366; Mas'ud ul Hassan (1988), *Reconstruction of Political Thought in Islam*, Lahore: Islamic Publication (Pvt) Limited, hh. 110-116.

## HAK MILIK UMUM

Hak milik umum ialah hak-hak yang mesti dinikmati secara bersama oleh setiap individu sebagai anggota masyarakat yang tidak dapat tidak mesti memiliki atau menggunakan harta atau sumber berkenaan. Sumber-sumber ini adalah untuk kegunaan umum. Jika sumber berkenaan jatuh kepada pemilikan persendirian, ia boleh menimbulkan masalah kepada masyarakat untuk menikmati dan menggunakannya. Dengan kata lain, hak milik umum ialah pemilikan secara bersama oleh anggota masyarakat terhadap sesuatu barang dan perkhidmatan.<sup>30</sup> Hak pemilikan seperti ini biasanya diperlukan untuk kepentingan sosial dan merupakan harta yang dikhususkan bagi kepentingan awam (barang awam). Manusia bebas untuk menggunakan anugerah Allah SWT (barang awam) ini bagi menyempurnakan kehidupan mereka. Tetapi jika barang awam berkenaan diambil dan dijadikan barang untuk mendapat keuntungan dan dagangan, maka barang tersebut seharusnya dikenakan cukai yang tertentu.<sup>31</sup>

Walaupun Islam mengakui pemilikan peribadi adalah selaras dengan fitrah semulajadi manusia, namun begitu Islam tidak mengizinkan berlakunya eksplorasi, penindasan dan perampasan hak masyarakat. Sebab itulah Islam mengatur sistem ekonominya berdasarkan kepada akhlak yang mulia. Ini bererti Islam menggalakkan pemilikan dan perkembangan ekonomi, di samping menjaga kepentingan dan kebajikan masyarakat.<sup>32</sup> Dengan itu, adalah wajar bagi sesebuah negara menjadikan beberapa jenis sumber atau barang seperti udara, sungai, padang rumput, garam dan api sebagai harta milik awam atau milik bersama dalam usaha untuk menjaga kebajikan dan keharmonian masyarakat. Sementara sebahagian lagi barang dan sumber boleh dijadikan milik persendirian oleh individu.

Dalam soal pemilikan barang awam ini, pemilikannya mempunyai bentuk yang berbeza-beza. Aset berkenaan mungkin dimiliki oleh dua orang atau lebih. Jika kekayaan itu dimiliki oleh dua orang atau lebih, maka mereka akan menggunakan sesuai dengan aturan yang ditetapkan oleh pihak-pihak yang terlibat dalam penggunaan sumber berkenaan. Prinsip pemilikan barang awam ini ialah tiada satu pihak boleh disakiti atau mengalami kerugian hasil daripada penggunaan barang awam berkenaan.<sup>33</sup> Jika berlakunya kerugian atau sesuatu pihak disakiti, maka individu

<sup>30</sup> S.M. Yusuf (1996), *Economic Justice in Islam*, Lahore: SH. Muhammad Ashraf Publisher & Export, hh. 27-28; Mohammad Muslehuddin (1984), *Islamic Socialism-What it Implies*, Lahore: Islamic Publication (Pvt), hh. 22-24.

<sup>31</sup> Mustafa Haji Daud, *op.cit.*, hh. 104-105.

<sup>32</sup> *Ibid.*, h. 106.

<sup>33</sup> A.A. Islahi, *op.cit.*, h. 142.

yang disakiti atau mengalami kerugian tersebut berhak untuk mendapat ganti rugi dan pampasan dari penggunaan barang awam berkenaan. Dalam sesetengah kes, kerajaan atau pemerintah perlu memiliki negarakan sesetengah barang awam agar ianya tidak boleh dimiliki secara peribadi atau dimiliki oleh sekumpulan ahli masyarakat dalam usaha untuk menjaga kebijakan umum.

## HAK MILIK NEGARA

Negara memerlukan hak milik untuk mendapatkan hasil dan menggunakan hasil berkenaan dalam usaha untuk memberikan kemakmuran kepada individu dan masyarakat. Sadr menyatakan, peranan pemegangan harta yang penting (strategik) ialah terletak kepada negara. Bagi mana-mana aset/harta yang diguna dan menjadi kepentingan bersama kepada masyarakat, adalah wajar ia dimiliki negara dan tidak boleh menjadi milik individu.<sup>34</sup> Negara memerlukan hak milik dan hak kuasa ini bagi memperolehi sumber dan pendapatan dalam usaha untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab serta menjaga kepentingan individu dan masyarakat ramai.<sup>35</sup> Tanpa hak milik dan hak kuasa, sebuah negara tidak mampu dan tidak boleh melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. Kegagalan negara dalam melaksana tugas dan tanggungjawabnya akan mewujudkan ketidakseimbangan dan ketaksamaan dalam ekonomi. Dengan itu, adalah wajar bagi negara mempunyai hak dan kuasa yang tertentu dalam usaha untuk memakmur, menjaga kebijakan, ketertiban, kesaksamaan dan keadilan masyarakat.

Kekayaan negara secara praktiknya adalah milik umum atau milik masyarakat, tetapi diuruskan oleh negara. Negara atau pemerintah bertindak sebagai pemegang amanah masyarakat. Negara atau pemerintah berhak untuk memperolehi, mengagih dan membelanjakannya untuk kepentingan awam selaras dengan tuntutan agama dan keperluan semasa.<sup>36</sup> Walaupun syariah Islam menghormati hak milik perseorangan, namun syariat Islam juga membenarkan hak milik individu itu diambil oleh negara dalam keadaan tertentu seperti dalam masa darurat dan untuk kepentingan umum.<sup>37</sup> Syariat Islam juga membenarkan kerajaan/pemerintah untuk mengenakan cukai yang tertentu seperti cukai tanah (*kharaj*) dan cukai perniagaan. Cukai berkenaan boleh ditingkatkan atau dilonggarkan pada masa-masa yang tertentu. Namun begitu, hak

<sup>34</sup> Jomo K.S (Edts.,), *op.cit.*, h. 88..

<sup>35</sup> Mohammad Muslehudin, *op.cit.*, hh. 26-28.

<sup>36</sup> *Ibid.*

<sup>37</sup> Abdul Karim Zaidan, *op.cit.*, h. 72; Mas'ud ul Hasan, *op.cit.*, hh. 116-117; S.M. Yusuf, *op.cit.*, h. 31; Surtahman Kastim Hassan, *op.cit.*, h. 15.

pemerintah/negara ini bergantung kepada keperluan dan kebijaksanaan pemerintah kecuali ke atas perkara-perkara yang telah ditetapkan oleh Al-Quran seperti zakat yang telah jelas cara perolehan, pengagihan dan perbelanjaannya. Negara atau pemimpin umat Islam boleh membuat keputusan dan menggunakan kaedah yang sesuai yang dapat membantu mencapai kepentingan rakyat dan menjaga keadilan di kalangan mereka. Oleh itu, para pemimpin/negara dibenarkan mengambil mana-mana sumber dan mengamalkan kaedah yang paling berkesan untuk kebaikan rakyat dan negara. Ini bermakna cara bagi memenuhi kehendak masyarakat itu dirancang dan diatur oleh pemimpin/negara selaras dengan kehendak Islam.<sup>38</sup>

Negara bertanggungjawab memastikan penggunaan, pengagihan dan penyerahan hak milik individu, umum dan hak negara sendiri berjalan mengikut kehendak syariat. Tanpa adanya hak dan kuasa negara ini, sebuah negara tidak berupaya untuk mewujudkan keadilan dan ketertiban sosial dalam masyarakatnya.

## KESIMPULAN

Pemilikan dalam Islam terbahagi kepada tiga jenis pemilikan utama iaitu pemilikan persendirian, umum dan negara. Ketiga-tiga jenis pemilikan ini telah digariskan oleh syariat. Islam membenarkan individu memiliki sebanyak mungkinkekayaan selama mana ianya tidak bertentangan dengan pemilikan umum, pemilikan negara dan tidak bertentangan dengan syariat Islam. Dalam Islam, pemilikan individu menjadi asas kepada jenis-jenis pemilikan lainnya. Jika seseorang itu boleh menggunakan sumber yang dikurniakan kepadanya selaras dengan kehendak Allah SWT, pemilikan jenis lain adalah tidak diperlukan oleh Islam. Pemberian hak milik dalam Islam adalah selaras dengan pemberian tanggungjawab yang perlu dipenuhi oleh manusia. Manusia akan dipersoalkan terhadap tanggungjawab, amanah dan hak miliknya di akhirat nanti. Tanggungjawab yang perlu dipikul oleh manusia terhadap Allah SWT ini akan menjadi asas keseimbangan antara tuntutan individu dan kepentingan masyarakat terhadap sesuatu hak itu. Hak individu diakui dan hak masyarakat dipelihara di dalam sistem ekonomi Islam.

<sup>38</sup> Muhamed S. El-Awa (1991), *Sistem Politik Negara Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hh. 87-88.